

Sebak terima anugerah arwah suami

K U A L A TERENGGANU – Isteri kepada jurukamera Radio Televisyen Malaysia (RTM) Terengganu sebak ketika menerima Anugerah Khas Media Naib Canselor Unisza 2016 milik ar-

wah suaminya pada Malam Anugerah Kewartawanan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) 2016, di sini.

Norlina Muda, 53, berkata, dia sama sekali tidak menyangka arwah suaminya, Hashim Abdullah yang

meninggal dunia diberi pengiktirafan sebegitu rupa.

Katanya, arwah memang setia dengan bidang kewartawanan sejak sekian lama dan mengucapkan terima kasih di atas sumbangan dan pengiktirafan itu, biarpun

dia sudah tidak ada.

“Terima kasih kepada Unisza kerana sudi memberi sumbangan kepada arwah suami dan sumbangan ini amat berharga bagi kami sekeluarga sebagai kenangan arwah.

“Pengiktirafan ini juga diharap dapat menarik sedikit sebanyak minat anak-anak untuk sama terlibat dalam bidang arwah ayah mereka,” katanya kepada Sinar Harian pada Malam Anugerah Kewartawanan Unisza 2016, di sini.

Jurukamera RTM Terengganu itu meninggal dunia di Hospital Sultanah Nur Zahirah akibat serangan jantung Mac tahun ini.



Norlina kelihatan sedih ketika menerima Anugerah Khas Media Naib Canselor Unisza yang disampaikan Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr Ahmad Zubaidi Latiff untuk arwah suaminya pada Malam Anugerah Kewartawanan Unisza 2016, di sini.